

CNS0398

R GB 16-03 00205 BA390

bah

KERAJAAN BELUM PUTUSKAN **TABLIGH HARAM ATAU TIDAK, KATA PM**

Mahathir - Tabligh

ALOR SETAR, 3.6 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan menunggu laporan kajian Pusat Islam mengenai kegiatan dakwah yang dijalankan oleh Jamaah Tabligh sebelum mengambil keputusan samaada akan mengharamkan kegiatan itu atau tidak, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini,

Beliau berkata, kerajaan juga akan menunggu nasihat daripada para penasihat agamanya mengenai perlu atau tidak ia menyekat kemasukan ulama Tabligh dari India dan Pakistan.

Ketika bercakap kepada pemberita setibanya dari Kuala Lumpur disini, beliau berkata, pada hakikatnya ajaran Tabligh telah menyebabkan ramai pengikutnya tidak lagi menumpukan perhatian kepada kerja mereka tetapi sebaliknya hanya mengikut arahan kumpulan itu supaya mereka menumpukan sepenuh masa kepada ibadat.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata, beliau percaya kegiatan itu boleh menjejaskan matlamat wawasan 2020 sekiranya kegiatan itu dapat menarik ramai pengikut di negara ini.

Mengenai filem kontroversi **+Turtle Beach+** keluaran sebuah syarikat perfileman Australia, Dr Mahathir berkata, **sungguhpun** kerajaan Malaysia tidak akan membuat bantahan kepada negara tersebut atau pun mengambil apa-apa tindakan, tetapi penayangan filem itu sudah tentu akan membuatkan sukar bagi rakyat Malaysia hendak **berbaik-baik** dengan rakyat Australia. --
Lagi

▼16/03/19-18MST

CNS0402

R GB 16-03, 00151 BA391

bah

Maha thi r - Tabligh 2 Alor Setar .

Filem itu yang dijadualkan ditayangkan di televisyen negara itu Khamis ini menunjukkan kezaliman yang dilakukan oleh sebuah kerajaan terhadap pendatang tanpa izin yang jelas merujuk kepada Malaysia.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata bahawa kerajaan Australia tidak terlibat dengan pengeluaran filem itu tetapi ia dihasilkan oleh rakyat negara itu.

+Amat sukar bagi kita 'berbaik-baik dengan orang Australia kerana mereka begitu 'tertarik dengan membohong dan mencerca apa yang mereka anggap sebagai kawan. Dengan ini susahlah kita hendak mengadakan perhubungan yang baik,+ katanya.

+Mereka tidak faham bahawa kalau mereka hendak reaksi yang baik, mereka perlulah berlaku baik, kalau tidak sukarlah kita nak berbaik-baik dengan mereka.+

Dr Mahathir berkata, budaya rakyat Australia amat tidak sesuai dengan budaya penduduk Asia dan perbezaan ini menyebabkan sukar bagi rakyat Australia hendak menganggap diri mereka sebagai orang Asia. -- Lagi

▼16/03/19-20MST

CNS0404

bah

Mahathir - Tabligh 3 Alor Setar (akhir)

Mengenai isu Majlis Peguam'enggan mengiktiraf Tun Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan meniru mana-mana negara lain dalam menyelesaikan isu tersebut kerana Malaysia akan bertindak mengikut caranya sendiri.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa memberi kebebasan kepada institusi kehakiman tetapi hanya Majlis Peguam yang tidak rnhu memberi kebebasan kepada badan kehakiman di Malaysia.

Perdana Menteri dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali berada di sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama orang ramai di Masjid Kampung Melele, Tunjang, dekat sini malam ini.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah, yang juga yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) menyampaikan bungkusan hari raya sumbangan BAKTI kepada mereka yang kurang bernasib di kediaman Perdana Menteri di Titi Gajah di sini. --Bernama

▼16/03/19-23MST